

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR]

TARIKH : 12 MAC 2014

SOALAN :

Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk melaksanakan program pemantauan secara berkala dan berjadual bagi sungai-sungai di Malaysia yang berisiko terjejas dengan efluen agar dapat mengelakkan pencemaran merbahaya seperti yang berlaku di sungai Batu Feringghi baru-baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mula melaksanakan program pengawasan kualiti air sungai di seluruh Malaysia secara berkala dan berjadual sejak tahun 1978. Program ini dilaksanakan untuk menentukan status terkini kualiti air sungai-sungai dan mengesan sebarang perubahan kualiti air bagi sungai-sungai yang dipantau.

Program pengawasan ini turut dilaksanakan untuk mengetahui status kualiti air laut dan pulau-pulau. Pengawasan ini dilaksanakan secara berkala dengan kekerapan persampelan di antara 4 hingga 12 kali setahun mengikut kepentingan sungai dan kawasan perairan berkenaan.

Sekian, terima kasih.